

Impak maksimum

B/H 24/10/2009

Semua dapat manfaat dalam Bajet 2010

INTI PATI



Cukai pendapatan individu

- Kadar maksimum dikurangkan kepada 26 peratus.
- Pelepasan diri dinaikkan kepada RM9,000.
- Pelepasan cukai sehingga RM500 bagi yuran langganan jalur lebar.
- Pelepasan cukai bagi caruman KWSP dan premium insurans hayat dinaikkan kepada RM7,000.

Kakitangan awam

- Gred 41 hingga Gred 54 dan setaraf serta pesara wajib dapat RM500 Disember ini.
- Pinjaman pembelian komputer setiap tiga tahun sekali.
- Peruntukan RM200,000 kepada setiap kementerian dan jabatan untuk sedia pusat penjagaan dan pendidikan anak.

Pelajar

- Biasiswa Nasional untuk 30 pelajar terbaik ke universiti tersohor di dunia.
- Pinjaman PTPTN jadi biasiswa bagi pelajar lulus ijazah kelas pertama.
- Diskaun 50 peratus tambang KTMB jarak jauh untuk pelajar berusia 13 tahun ke atas.
- Bayaran RM50 sebulan selama dua tahun bagi pakej 'netbook' termasuk perkhidmatan jalur lebar percuma untuk 100,000 pelajar universiti tempatan.

Petani dan nelayan

- Subsidi harga padi RM400 juta.
- Subsidi baja RM300 juta.
- Insentif peningkatan, pengeluaran hasil padi dan subsidi beras RM220 juta.
- Elaun saraan hidup dan insentif untuk nelayan RM170 juta.



Usahawan

- RM200 juta untuk Tekun termasuk tambahan RM20 juta untuk peniaga kecil India.
- Premium serendah RM20 sebulan bagi insurans dan takaful bernilai RM10,000 hingga RM20,000 untuk peniaga kecil.
- RM57 juta untuk pembelian ruang niaga dan infrastruktur skim kilang bimbingan.



Penggiat seni

- Dana Industri Kreatif RM200 juta.
- RM3 juta geran pelancaran penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni.



Orang Kurang Upaya dan warga emas

- RM224 juta untuk program bantu OKU.
- RM174 juta untuk bantu warga emas.
- Elaun pelajar OKU sekolah pendidikan khas NGO dinaikkan kepada RM150 sebulan.



Golongan bekerja sendiri

- Kerajaan sumbang lima peratus untuk setiap RM100 caruman dalam Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia selama lima tahun tertakluk kepada jumlah maksimum RM60 setahun.



DI DALAM

- Antara bajet terbaik pernah dibentang **Muka 4**
- Ucapan penuh Bajet 2010 **Muka 20, 21, 22, 43 - 48**
- Sisipan Laporan Ekonomi 2009/2010 **Muka 27 - 38**



“ Marilah kita membuat satu transformasi besar-besaran seraya menjulang Malaysia tercinta ini ke persadanya”

Datuk Seri Najib Razak
Perdana Menteri

Manfaat rakyat secara holistik

Bajet fokus pertingkat pendapatan boleh guna, taraf hidup penduduk

B/H 24/10/2009

KUALA LUMPUR: Bajet 2010 yang dibentangkan Datuk Seri Najib Razak semalam, memanfaatkan setiap masyarakat dengan tumpuan kepada meningkatkan pendapatan boleh guna dan mutu hidup rakyat serta menggerakkan semula sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi.

Bajet yang menjadi asas pembentukan model ekonomi baru negara dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) itu, turut menumpu kepada membangunkan modal insan berkemahiran tinggi serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

Bertemakan '1Malaysia, Kemakmuran Bersama', bajet dengan peruntukan RM191.5 bilion itu berteraskan tiga strategi, iaitu me-

Najib antara lain mengemukakan penyediaan latihan kemahiran dan program penjana pendapatan untuk 50,000 isi rumah miskin tegar, di samping pelbagai program membantu golongan miskin di luar bandar, termasuk peruntukan RM180 juta bagi Program Pembasmian Kemiskinan dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan program pembinaan kedai desa dengan peruntukan awal RM30 juta untuk memberi peluang penduduk luar bandar berniaga.

Sebanyak RM48 juta pula disediakan bagi program pembasmian kemiskinan bandar, di samping meluaskan tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan yang ditukar nama kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan



NAJIB ketika membentangkan Bajet 2010 di Dewan Rakyat, semalam.

REAKSI

Bajet 2010

“Bajet lumayan mengutamakan kesejahteraan rakyat dengan menambah baik perkhidmatan bas dan sistem aliran transit ringan (LRT) di bandar”

Datuk Seri Ong Tee Keat
Presiden MCA

“Bajet yang benar-benar mengutamakan rakyat dengan mementingkan pentadbiran bersih dan perangi rasuah”

Tan Sri Dr

EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

macu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi; memastikan pembangunan holistik dan mapan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Walaupun 11.2 peratus lebih kecil berbanding RM215.7 bilion dalam Bajet 2009, langkah dan insentif diumumkan Perdana Menteri dalam bajet sulungnya itu adalah menyeluruh dan memastikan setiap ringgit dibelanjakan memberi impak paling maksimum.

Bagi mensejahterakan rakyat, tumpuan adalah kepada meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat serta membasmi kemiskinan tegar; meningkatkan kemudahan perumahan, prasarana, mutu perkhidmatan pengangkutan awam serta keselamatan rakyat.

Bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat, insentif yang disediakan meliputi semua golongan dengan tumpuan menghapuskan kemiskinan tegar.

Bandar, bagi meliputi membasmi kemiskinan bandar seluruh negara.

Bagi golongan berpendapatan sederhana, Najib antara lain mengumumkan penurunan kadar maksimum cukai pendapatan individu kepada 26 peratus daripada 27 peratus serta menaikkan pelepasan diri kepada RM9,000 daripada RM8,000.

Beliau turut mengumumkan penerbitan Sukuk 1Malaysia dengan saiz RM3 bilion bagi memberi peluang rakyat berusia 21 tahun ke atas meraih pendapatan pelaburan berdaya saing, serta menubuhkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk simpanan persaraan golongan bekerja sendiri.

Najib juga mengumumkan bayaran khas RM500 yang sebelum ini diberikan kepada kumpulan sokongan, dipanjangkan kepada kakitangan gred 41 hingga 54 serta pesara wajib.

Ke arah mencapai pema-

ngunaan holistik dan mapan, beliau menggariskan langkah dan insentif yang berteraskan usaha meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi; meluaskan akses kepada pendidikan tinggi; menjaga kebajikan pelajar; menggilap kemahiran tenaga kerja dan memperkasa institusi pengajian tinggi.

Teras lain ialah memantapkan sistem perbankan dan kewangan; mencergaskan pasaran saham, memajukan lagi sistem kewangan Islam; memerangi rasuah serta meningkatkan kecekapan pengurusan kerajaan.

Bagi memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, langkah dan insentif yang disediakan adalah berteraskan usaha meningkatkan pelaburan swasta; mempergiatkan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta memanfaatkan bidang kekuatan negara.

Ia juga ditumpukan kepa-

da memajukan sektor pertanian; menggalakkan industri pembinaan; memperkasa perusahaan kecil dan sederhana; membangunkan teknologi hijau dan menggalakkan industri kreatif.

Najib turut mengumumkan kerajaan akan melaksanakan satu sistem pengurusan subsidi minyak, awal tahun depan yang mesra rakyat mengguna pakai MyKad dan infrastruktur sedia ada bagi memastikan hanya golongan memerlukan menikmatinya.

Perdana Menteri berkata, daripada peruntukan Bajet 2010 itu, RM138.3 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM53.2 bilion bagi pembangunan.

Katanya, bagi pembangunan, RM25.4 bilion ringgit adalah untuk infrastruktur, perindustrian, pertanian dan pembangunan luar bandar; RM20.3 bilion bagi pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta

memajukan masyarakat; RM3.7 bilion bagi keselamatan; RM1.8 bilion bagi pentadbiran am dan RM2 bilion untuk simpanan luar jangka.

Najib berkata, hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2010 dianggarkan merosot 8.4 peratus kepada RM148.4 bilion berbanding RM162.1 bilion pada 2009.

"Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan itu, defisit bagi 2010 dijangka menurun kepada 5.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDMK), daripada 7.4 peratus pada 2009.

"Ini mencerminkan dasar perbelanjaan kerajaan lebih berhemat dan mengutamakan 'nilai untuk wang,'" tegasnya.

Beliau turut mengumumkan kajian semula unjuran prestasi ekonomi negara tahun ini kepada hanya penyusutan tiga peratus dan pertumbuhan antara dua hingga tiga peratus tahun depan.

Pengurangan cukai mewujudkan wang lebih, sekali gus membolehkan orang ramai berbelanja lebih. Insentif bebas cukai di Wilayah Pembangunan Iskandar adalah idea bernas yang dilihat mampu merencanakan ekonomi domestik dan pembangunan negara"

Datuk M Kayveas
Presiden PPP